

# Pendedahan Latihan Industri Dalam Bengkel Kepimpinan Latihan Industri (INTRA) 2009 : PROGRAM 7 PILLARS

Bengkel anjuran Pusat Kerjasama Industri dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan ini telah berlangsung pada 24 dan 25 Oktober 2009 di Dewan 2020 Kangar, Perlis. Bengkel ini dikhatusukan kepada semua pelajar Tahun 3 sebagai persediaan kepada mereka yang akan menjalani Latihan Industri selama 6 bulan di serata industri/syarikat di Malaysia.

Bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang organisasi-organisasi baru yang menuntut kepelbagaian kemahiran semasa mereka mengikuti latihan industri kelak. Bengkel selama 2 hari ini telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Ir. Rezuwan Haji Kamaruddin

iaitu Dekan Pengurusan Akademik UniMAP. Bengkel ini juga telah menjemput beberapa ahli panel bagi memberi penerangan berkenaan isu-isu yang berkaitan dengan Latihan Industri. Antara ahli panel yang dijemput adalah Tuan Haji Abdullah Lin daripada Rapid KL, Puan Wan Zurina iaitu Head of HR dari Paycomm dan Encik Rozaimi Ismail dari HR Shorubber yang banyak memfokuskan kepada Latihan Industri Sebagai Asas Kerjaya. Selain itu, Puan Sabasiah Husin dari UUM juga dijemput bagi menyampaikan ceramah yg bertajuk Kepimpinan & Pekerja/Pelajar Cemerlang. Di samping itu, pihak jawankuasa tidak lupa juga menjemput seorang wakil dari Institut

Engineering Malaysia iaitu Encik Hizaruddin Bin Razak.

Pihak jawankuasa program amatlah berharap agar segala maklumat yang diperolehi daripada bengkel ini dapat dimanfaat oleh semua pelajar yang akan menjalani Latihan Industri pada tahun ini. Selamat Maju Jaya diucapkan kepada semua pelajar Tahun 3 dan semoga berjaya menamatkan Latihan Industri dengan memperolehi kemahiran-kemahiran yang cemerlang dan dapat dimanfaat di UniMAP kelak.



Azilawati Suanda